

Syarikat tempatan peroleh manfaat bioteknologi negara

um - 6/12/2006

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 5 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembangunan bioteknologi di negara ini bukan semata-mata untuk menarik pelaburan syarikat gergasi asing sebaliknya bertujuan membangunkan modal insan dan syarikat bioteknologi tempatan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mengamalkan pendekatan berbeza dengan membangunkan syarikat bioteknologinya sendiri di samping menjalankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) berdasarkan kekuatan biodiversiti negara.

"Adalah mudah menarik syarikat bioteknologi asing untuk melabur di negara ini dengan memberikan insentif kepada mereka tetapi kita bukan melakukan perkara itu sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Penasihat Panel Antarabangsa Mengenai Bioteknologi di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Ra-

fidah Aziz dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Mesyuarat itu dihadiri oleh pakar-pakar dalam bidang bioteknologi iaitu Profesor Emeritus Universiti Tokyo, Dr. Kenichi Arai; Presiden Donald Danforth Plant Science Center, Dr. Roger Beachy; Pengarah Novartis AG, Alexandre F. Jetzer; Pengarah Eksekutif California Institut Penyelidikan Kuantitatif Perubatan Bio, Dr. Regis B. Kelly dan Pengarah Urusan Burrill & Company, Dr. Caroline A. Kovac.

Pakar lain ialah Profesor Bio Material Sains dan Kejuruteraan, Universiti Teknologi Massachusetts, Dr. Chokyun Rha; Profesor Biologi Universiti Teknologi Massachusetts, Dr. Anthony J Sinskey; Canselor Emeritus Universiti Teknologi Curtin, Dr. Eric Tan serta Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Am, Burrill & Company, Dr. Roger Wyse.

Mengenai mesyuarat hari ini, Perdana Menteri berkata, semua anggota panel sepakat memberikan keutamaan kepada teknologi dan menekankan pentingnya kerajaan meneruskan komitmen dalam bidang

Malaysia mengamalkan pendekatan berbeza dengan membangunkan syarikat bioteknologinya sendiri di samping menjalankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) berdasarkan kekuatan biodiversiti negara

bioteknologi.

"Kalau tiada komitmen maka tidak akan menjadi, kita perlu bersedia untuk menukar peraturan yang diperlukan bagi membolehkan industri ini berkembang dengan rancak," katanya.

Pada masa sama, Abdullah mahu pembangunan dalam bidang bioteknologi diperhebatkan termasuk membangunkan usahawan yang mempunyai hubungan dengan produk berkenaan.

Dengan itu kata beliau, ia dapat menambah usahawan yang mempunyai potensi besar dalam bidang berkenaan dan untuk melakukannya, negara perlu memiliki kekuatan dalam R&D.

"Negara kita telah mempunyai Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit (PORLA).

"Ini adalah kekuatan yang sudah wujud dan perlu ditingkatkan mutu dan keupayaan. Kita mempunyai kepelbagaian bio dan menunjukkan pembangunan yang baik terutama berkaitan minyak kelapa sawit yang dapat memberi pelbagai produk pembangunan bahan pembakar yang dikira bio.

"Ini adalah industri yang boleh dibangunkan untuk mencapai satu kedudukan yang membolehkan kita bersaing. Potensi dalam bidang ini sangat besar," katanya.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri